

Kempen PruBSN Aspirasi Golden Aspiration - Pusingan ke-2

Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Mac 2021 hingga 31 Mac 2021, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon dan alamat surat-menyurat yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 1 Mei 2021.
4. Kelayakan Kempen:
 - a. Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baharu) **PruBSN Aspirasi** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dalam bulan Mac 2021, di mana sijil tersebut haruslah diterima (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum 15 April 2021 ("Pelanggan yang Layak").
 - b. Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dan tiada sumbangan tertunggak pada 1 Mei 2021.
 - c. **Kaedah pembayaran** mesti dilakukan melalui:
 - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui **PruBSN Mobility** atau **PruBSN Touch**, atau
 - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui **PruBSN Mobility** atau **PruBSN Touch**
5. Hadiah Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak (Peserta) akan menerima **Loket Syiling Emas** ("Hadiah") berdasarkan syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan: Sumbangan Tahunan Terkumpul* setiap Pelanggan (Peserta)	Hadiah
PruBSN Aspirasi	RM8,000 - RM29,999	1 Loket Syiling Emas 916 (+/-0.8g)
	RM30,000 dan ke atas	2 Loket Syiling Emas 916 (+/-0.8g setiap satu)

*Sumbangan Tahunan Terkumpul setiap Peserta untuk semua sijil PruBSN Aspirasi yang memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan oleh perkara 4 di atas. Sumbangan Tahunan tidak termasuk Takaful Saver.

6. Pelanggan yang Layak untuk mendapat Hadiah akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan.
7. Hadiah akan diserahkan kepada Pelanggan yang Layak mulai 15 Jun 2021 melalui kurier atau ejen perkhidmatan Takaful anda.
8. Kes-kes ejen sendiri akan dikecualikan (di mana ejen ialah peserta/pemilik sijil dalam pelan tersebut) daripada kempen ini.
9. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Hadiah adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Hadiah diedarkan. Sekiranya Hadiah tersebut dicuri atau hilang kerana sebarang sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN.
10. PruBSN tidak memberikan jaminan ke atas kualiti atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Hadiah. PruBSN tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau kemudaratan (sama ada secara fizikal atau mental) yang mungkin dialami oleh Pelanggan yang Layak yang timbul akibat penerimaan dan penggunaan Hadiah.
11. PruBSN boleh menggantikan Hadiah tersebut dengan barang lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
12. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
13. Hadiah yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai variasi kepada terma dan syarat sijil yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau peraturan pengunderaitan PruBSN.
14. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Hadiah tersebut adalah tertakluk pada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di atas dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
15. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.